



---

KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI MALAYSIA

---

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 6 TAHUN 2006

---

**SYARAT-SYARAT TAMBAHAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN  
SKIM PERKHIDMATAN STAF BUKAN AKADEMIK**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk **menjelaskan syarat tambahan pengesahan dalam perkhidmatan staf pentadbiran (bukan akademik).**

**LATARBELAKANG**

2. Garispanduan ini telah mendapat kelulusan pihak **Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) yang bermesyuarat pada 3 Oktober 2006.**
3. Semua jawatan lantikan (bukan akademik) dikehendaki mengambil dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh KUKTEM bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan. Ini adalah untuk memastikan semua staf diberi pendedahan dan kefahaman berkaitan sistem pentadbiran, pengurusan, perundangan dan kewangan di KUKTEM. **Oleh itu skim perkhidmatan seperti Pegawai Sains Gred C41, Jururawat Gred U29, Jurutera Gred J41, Pustakawan Gred S41, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41, Penjaga Jentera Elektrik Gred J17 dan lain-lain jawatan yang sebelum ini tidak dikehendaki mengambil peperiksaan adalah diwajibkan untuk lulus peperiksaan perkhidmatan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan.**

**SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

4. Syarat-syarat tambahan yang diluluskan oleh PPSM adalah seperti berikut;
  - i. Dikehendaki lulus peperiksaan perkhidmatan yang dikendalikan oleh KUKTEM iaitu **Kertas Umum dan Kertas Khusus :**

- a. Kertas Umum adalah mengenai **Pengurusan Universiti & Perlembagaan Malaysia, Sistem Pentadbiran & Syarat-syarat Perkhidmatan dan Peraturan Kewangan**
- b. Kertas Khusus adalah berkaitan dengan skim bagi gred jawatan pegawai

ii. Skim perkhidmatan yang kelayakan masuk adalah Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang setarafnya seperti jawatan Pemandu Gred R3, Pembantu Am Rendah Gred N1 **atau** yang setaraf dengannya dikecualikan dari peperiksaan perkhidmatan.

iii. Bagi jawatan kenaikan pangkat seperti Timbalan Bendahari Gred W48, Timbalan Pendaftar Gred N48 dan lain-lain yang setarafnya juga adalah **dikecualikan** dari menduduki peperiksaan perkhidmatan KUKTEM **jika staf berkenaan mendapat pelepasan dengan izin sahaja. Sekiranya perkhidmatan sebelumnya adalah dari sektor swasta maka staf berkenaan dikehendaki hadir dan lulus Kursus Induksi (Umum dan Khusus) serta lulus peperiksaan perkhidmatan.**

iv. Markah Penilaian Prestasi ;

- 85% ke atas bagi tahun pertama
- 80% ke atas bagi tahun kedua
- 75% ke atas bagi tahun ketiga

v. Syarat-syarat lain untuk pengesahan perkhidmatan seperti melalui tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun, hadir dan lulus Kursus Induksi Modul Umum & Khusus serta mendapat perakuan dari Ketua Jabatan adalah dikekalkan.

## **KUATKUASA**

5. Peraturan ini berkuatkuasa bagi staf yang melapor diri **pada atau selepas 1 Januari 2006.**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan tugas,

  
(HAJI SA'UDI BIN HAJI AHMAD)  
PENDAFTAR

Tarikh : 05 OCT 2006